

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
(BUKIT BENDERA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2015

Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada badan-badan amal yang sedang menikmati status pengecualian cukai (tax-exempt status) akan diberi pengecualian GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Badan bukan Kerajaan dan institusi keagamaan yang terlibat sepenuhnya dalam aktiviti kebajikan atau keagamaan adalah tidak

tertakluk kepada kenaaan GST.

Sekiranya terdapat sebarang aktiviti bersifat perniagaan dijalankan oleh sesebuah organisasi tersebut dan nilai bekalan bercukai yang dibuat adalah melebihi threshold yang ditetapkan iaitu RM500,000 setahun, maka badan bukan Kerajaan dan institusi keagamaan tersebut perlu berdaftar di bawah GST dan mengenakan GST ke atas bekalan yang dibuat.

Walau bagaimanapun, bagi badan-badan amal yang menjalankan aktiviti kebajikan, Kerajaan telah memberi pelepasan dari membayar GST ke atas perolehan peralatan tertentu, seperti termaktub di bawah Butiran 7 dan 8 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014. Di bawah perintah tersebut, badan-badan amal (*private charitable entity*) yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah diberi pelepasan GST ke atas pembelian peralatan tertentu yang digunakan untuk menjalankan aktiviti kebajikan.